

19 FEB 1997

## MISI PERNIAGAAN AS KE ASEAN PUPUK HUBUNGAN LEBIH ERAT

Oleh: Salmu Hashim

WASHINGTON, 19 Feb (Bernama) -- Rombongan perniagaan peringkat tinggi yang diketuai oleh Majlis AS-Asean akan berada di Kuala Lumpur, Singapura dan Jakarta awal bulan depan untuk memupuk hubungan perniagaan yang lebih erat dengan negara anggota Asean, kata presiden majlis tersebut, Ernest Bower.

Bower memberitahu Bernama di sini bahawa lawatan ke ibu negara tiga anggota Asean itu ialah dari 8 Mac hingga 14 Mac ketika Asean menyambut perayaannya yang ke 30 dan "bergerak dari pasaran rantauan kecil kepada pasaran serantau dalam erti kata sebenar."

Katanya syarikat-syarikat Amerika kini melihat Asean dengan lebih serius lagi kerana perkumpulan serantau itu sedang berusaha untuk memperluaskan keanggotaannya kepada 10 anggota dengan jumlah penduduk seramai 500 juta orang, dan Keluaran Dalam Negara Kasar satu trilion dolar.

Tiga anggota baru yang dijangka menyertai Asean pada Mesyuarat Menteri Luar Asean di Kuala Lumpur Julai ini ialah Myanmar, Laos dan Kemboja.

Perkongsian perniagaan AS-Asean semakin menjadi penting kerana dagangan dua hala diunjurkan berkembang kepada AS\$250 bilion (RM625 bilion) pada penghujung abad ini, dan Asean diunjurkan mengatasi Jepun sebagai rakan perniagaan yang kedua terbesar Amerika Syarikat, kata Bower.

Menurut Bower, lawatan itu adalah penting kerana sungguhpun eksport Amerika ke rantau itu telah meningkat 109 peratus dalam tempoh 1990-95, ia telah kehilangan pembahagian pasarannya sebanyak 1.2 peratus kepada Jepun dan juga kepada dagangan antara Asean yang semakin pesat berkembang.

Minat Jepun yang kian bertambah di Asean, seperti yang diperlihatkan oleh lawatan Perdana Menteri Hashimoto ke rantau itu baru-baru ini, dan Mesyuarat Peringkat Menteri Asean-Kesatuan Eropah (EU) di Singapura kesemuanya membuktikan kepada syarikat Amerika bahawa rantau tersebut semakin pesat bersaing.

"Sesiapa saja yang hendak ke rantau Asean tidak boleh mempunyai tempat perlindungan dari pesaing lagi. Dan syarikat Amerika ingin menjadi sebahagian daripada pengwujudan kekayaan yang akan berlaku," kata Bower.

"Mengenai ulang tahun ke 30 Asean, kita harus bersikap tegas dan menyatakan betapa pentingnya Tenggara Asia kepada perniagaan Amerika - dan inilah sebenarnya tujuan lawatan ini," kata Bower.

Kira-kira 100 ketua eksekutif dari syarikat besar dan sederhana mewakili pelbagai sektor -- pembuatan, aeroangkasa, kewangan dan pelancongan -- akan berada di rantau itu. Kata Bower syarikat gergasi termasuklah United Technologies, Oracle, GE, Mobil Oil and Gas, Exxon dan Harris.

Lawatan itu bermula pada 10 Mac di Singapura, "pintu masuk ke Asean dan China" di mana para anggota akan berhimpun untuk mesyuarat tahunan mereka. Rombongan itu akan mengunjung Perdana Menteri Goh Chok Tong dan mengkaji peranan Singapura di rantau tersebut, membincangkan peluang bagi teknologi dan perkongsian berasaskan modal.

Di Kuala Lumpur pula, rombongan berkenaan akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Mac pada mesyuarat Meja Bulat Perniagaan AS-Malaysia yang kedua. Perbincangan itu akan mengkaji bagaimana syarikat Amerika Syarikat boleh menyertai dalam menjadikan Wawasan 2020 satu kenyataan.

"Sebagai pengerusi Asean, kami juga ingin mendengar pandangan Perdana Menteri Mahathir bagi rantau itu dan pendapatnya mengenai peranan Amerika

Syarikat di rantau itu."

Anggota rombongan akan juga berpeluang menemui menteri perdagangan antarabangsa dan industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, dan menteri pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak "kerana syarikat Amerika juga berminat dalam pendidikan serta peluang latihan di Malaysia."

Lawatan itu akan diakhiri dengan "Sidang Kemuncak Perniagaan Asean" di Jakarta pada 12-13 Mac, anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Asean.

Penceramah di persidangan dua hari itu termasuklah Dr Mahathir, Presiden Seoharto, Presiden Fidel Ramos, Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, dan pengerusi Microsoft Bill Gates yang akan bercakap mengenai masa depan lebuh raya maklumat.

Topik di mesyuarat dua hari termasuklah perjanjian dagangan bebas Asean (AFTA), perbincangan mengenai Batam, kastam, dan perjanjian kerja sama perindustrian Asean (AICO). -- BERNAMA

SH MA/sia